

D514

U B031 DEB

MAHATHIR - EON

(I)

SHAH ALAM, 23 OGOS (BERNAMA) -- PEMBUKAAN RASMI IBU PEJABAT EDARAN OTOMOBIL NASIONAL SDN BHD (EON) DEKAT SINI OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD PADA 1 SEPT. AKAN DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RTM.

PERDANA MENTERI AKAN MERASMIKAN BANGUNAN \$15.8 JUTA ITU, DEKAT DENGAN KILANG PROTON SAGA DI JALAN PUCHONG, KIRA-KIRA 11 KM DARI SINI DAN PEMBINAANNYA SIAP DALAM MASA 15 MINGGU.

SERENTAK DENGAN ITU, PERDANA MENTERI JUGA AKAN MELANCARKAN PEMASARAN KERETA NASIONAL ITU. PERDANA MENTERI DIJANGKA MENERIMA KERETA PROTON SAGA YANG DIBELI UNTUK ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH PADA HARI ITU.

PENGURUS BESAR EON, ENCIK GURCHARAN SINGH BERKATA BAHAWA 5,000 ORANG TETAMU AKAN DIUNDANG UNTUK UPACARA ITU.

BELIAU BERKATA MEREKA TERMASUK TOKOH YANG MEMBERI SUMBANGAN BESAR KEPADA NEGARA TERMASUK +BAPA MALAYSIA+, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ. -- LAGI.

1610MST 23 08 85

MAHATHIR - EON 2 SHAH ALAM

(I)

SEMPENA DENGAN UPACARA ITU, 10 BUAH PETI TELEVISYEN AKAN DIPASANG DI CAWANGAN EON DI SELURUH NEGARA BAGI MEMBOLEHKAN KAKITANGAN EON DAN RAKYAT MENYAKSIKAN UPACARA ITU.

PENGARAH/PENGURUS BESAR UMW ENGINEERING SDN BHD, ENCIK KOH MEW SHOON BERKATA PEMBINAANNYA YANG DIKENDALIKAN OLEH SYARIKATNYA BERMULA PADA MAC TAHUN INI DAN 600 ORANG PEKERJA BEKERJA SIANG MALAM BAGI MENYIAPKANNYA.

SELAIN BANGUNAN PENTADBIRAN DAN GUDANG, PROJEK ITU JUGA TERMASUK JEJANTAS \$1.6 JUTA YANG MENGHUBUNGI IBU PEJABAT EON DENGAN KILANG KERETA NASIONAL. -- BERNAMA

1619MST 23 08 85